

TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS MELAYU- ARAB BERDASARKAN TEORI DINAMIK DAN KAEDAH *TA'REEB*

UMMI NADJWA BINTI WAHIYUDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS MELAYU-ARAB BERDASARKAN TEORI
DINAMIK DAN KAEDAH *TA'REEB*

UMMI NADJWA BINTI WAHIYUDIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah


✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10/5/2021

Perakuan Pelajar:

Saya, UMMI NADJWA BINTI WAHIYUDIN, M20191000725 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS MELAYU-ARAB BERDASARKAN TEORI DINAMIK DAN KAEDAH TA'REEB adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR. TAJ RIJAL BIN MUHAMAD ROMLI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS MELAYU-ARAB BERDASARKAN TEORI DINAMIK DAN KAEDAH TA'REEB dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH IJAZAH SARJANA SASTERA.

Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS MELAYU-ARAB
BERDASARKAN TEORI DINAMIK DAN KAEDAH TA'REEB

No. Matrik / Matric's No.: M20191000725

Saya / I: UMMI NADJWA BINTI WAHIYUDIN
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


DR. TAJ RIVAL BIN MUHAMMAD ROMLI
Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak Darul Ridzuan

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana Sastera Bahasa Arab, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis ini iaitu Dr. Taj Rijal bin Muhamad Romli yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja penyelidikan sehingga tesis dari peringkat awal sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan kakitangan Institut Pengajian Siswazah (IPS) yang banyak memberi kerjasama, membantu dan menyediakan pelbagai kemudahan sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seterusnya tidak lupa juga jutaan penghargaan kepada abah saya, Wahiyudin bin Yacob dan ibu saya, Khamisah binti Daud yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, memberi dorongan, semangat dan nasihat kepada saya sehingga saya berjaya menyiapkan penulisan tesis ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada adik-adik saya yang sentiasa memberi sokongan kepada kakak mereka ini untuk terus berjuang dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan, Hafizah Aiyshah, Najlaa, Nur Adila dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak berkongsi dan menyumbangkan idea, tenaga dan nasihat malah sudi meluangkan masa untuk memberi pendapat yang amat berharga sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya segala pendapat, bantuan dan sokongan dari kalian amat berharga buat saya. Akhir kata, harapan saya agar usaha ini dapat memberi manfaat kepada bidang bahasa Arab dan terjemahan khususnya para pelajar baik di peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi untuk mereka aplikasikan dalam pengajian mereka. Semoga Allah SWT memberi ganjaran di atas usaha yang dijalankan ini sebagai sebahagian daripada amal kebajikan dan semoga Allah S.W.T merahmati dan memberi ganjaran di atas segala bakti dan jasa baik ditaburkan oleh mereka yang banyak memberi bantuan dan kerjasama sepanjang menyiapkan tesis ini.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang menjurus kepada keberkesanan penggunaan mesin terjemahan (MT) dalam menterjemah kata nama khas (KNK) ke dalam bahasa Arab sesuai dengan struktur dan gaya bahasa Arab. Kajian ini timbul berikutan terdapat beberapa penambahbaikan yang diperlukan dan faktor kekurangan kaedah yang sesuai untuk menstruktur KNK daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Kajian ini menyasarkan tiga objektif iaitu mengumpul hasil terjemahan KNK menggunakan MT atas talian ke dalam bahasa Arab, menganalisis hasil terjemahan KNK dan mencadangkan kaedah terjemahan KNK berdasarkan Teori Dinamik dan kaedah *Ta'reeb*, menggunakan tiga jenis MT atas talian sebagai instrumen untuk menterjemah iaitu *MT Google*, *Bing Microsoft* dan *Yandex*. Kajian yang berbentuk kajian gabungan, iaitu kuantitatif dan kualitatif ini menggunakan pendekatan deskriptif dan kaedah analisis dalam mengumpul maklumat dan menganalisis 30 data KNK yang dikecilkan kepada 15 KNK sahaja. Seterusnya, dikategorikan kepada nama sekolah, nama hospital dan klinik. Dapatan hasil terjemahan menggunakan ketiga-tiga MT dianalisis berdasarkan kepada tiga perkara utama iaitu aras tatabahasa, aras *Ta'reeb* (fonetik dan fonologi) dan aras terjemahan dinamik. Daripada analisis ini, 11 daripada 15 data terjemahan KNK ke dalam bahasa Arab dikategorikan sebagai terjemahan yang lemah kerana tidak menghampiri struktur dan gaya bahasa Arab. Hasil terjemahan yang dikumpul dirumus dan dicadangkan terjemahan alternatif berdasarkan Teori Dinamik dan kaedah *Ta'reeb* dan formula penstrukturan KNK dalam bahasa Arab. Melalui proses ini, hasil terjemahan KNK boleh dikategorikan sebagai terjemahan yang boleh menepati struktur dan gaya bahasa Arab. Model terjemahan KNK ini boleh dicadangkan sebagai satu kaedah penterjemahan baharu kepada pengguna bahasa Arab terutamanya golongan penterjemah dan pelajar aliran bahasa Arab baik di peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi.



TRANSLATING MALAY PROPER NOUNS INTO ARABIC BASED ON DYNAMIC THEORY AND ARABIZATION METHOD

ABSTRACT

This study focuses on the effectiveness of machine translation (MT) in translating compound nouns (KNK) into Arabic, following the structure and style of the Arabic language. This study arises because some improvements are needed and the lack of suitable methods to structure compound nouns from Malay into Arabic and aims to collect three objectives: collecting compound nouns translation results using online MT into Arabic, analysing compound nouns translation results, and proposing compound nouns translation methods based on dynamic theory and *Ta'reeb* method, using three types of online MT as instruments to translate Google MT, Bing Microsoft and Yandex. This collaborative study, namely quantitative and qualitative, uses a descriptive approach and analytical methods in collecting information and analysing 15 compound nouns data which is reduced to 15 compound nouns only. Next, it is categorised into school name, hospital name and clinic. The translation findings using the three MTs were analysed based on three main things: grammar level, *Ta'reeb* level (phonetics and phonology), and dynamic translation level. From this analysis, 11 out of 15 compound nouns translation data into Arabic were categorised as poor translations because they did not approach the structure and style of Arabic. The collected translation results are formulated, and alternative translations are proposed based on the dynamic theory and *Ta'reeb* method and compound nouns structuring formula in Arabic. Through this process, compound nouns translation results can be categorised as translations that can conform to the structure and style of the Arabic language. This compound nouns translation model can be proposed as a new translation method for Arabic language users, especially translators and students of the Arabic language stream both at the school level and in higher education.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	-----------

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	------------

PENGHARGAAN	iv
--------------------	-----------

ABSTRAK	v
----------------	----------

ABSTRACT	vi
-----------------	-----------

KANDUNGAN	vii
------------------	------------

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	-------------

SENARAI RAJAH	xvii
----------------------	-------------

SENARAI SINGKATAN	xviii
--------------------------	--------------

BAB 1	Pengenalan	1
--------------	-------------------	----------

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	1
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	7
-----	--------------------	---

1.4	Kerangka Konseptual Kajian	15
-----	----------------------------	----

1.5	Objektif Kajian	16
-----	-----------------	----

1.6	Soalan Kajian	16
-----	---------------	----



1.7	Definisi Pengoperasian	16
1.8	Batasan Kajian	21
1.9	Kepentingan Kajian	22
1.10	Rumusan	23

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	24
--------------	---------------------------	----

2.1	Pendahuluan	24
2.2	Teori dan Konsep Berkaitan	24
2.2.1	Terjemahan	25
2.2.1.1	Jenis-Jenis Terjemahan	27
2.2.2	Teori Terjemahan Dinamik	36
2.2.3	Mesin Terjemahan	43
2.2.4	Terjemahan Mesin	48
2.2.5	Sistem Penterjemahan Hibrid	50
2.2.6	<i>Ta'reeb</i>	51
2.3	Kajian-Kajian Lepas	54
2.3.1	Kajian Terjemahan Kata Nama Khas	55
2.3.2	Kajian Terjemahan Menggunakan Mesin Terjemahan	59
2.3.3	Kajian Berkaitan Kaedah <i>Ta'reeb</i>	65
2.3.4	Kajian Berkaitan Terjemahan Dinamik	66
2.4	Rumusan	69

BAB 3	METODOLOGI	70
--------------	-------------------	----

3.1	Pendahuluan	70
3.2	Reka Bentuk Kajian	71
3.2.1	Teori Terjemahan Dinamik	72
3.2.2	Kaedah <i>Ta'reeb</i>	76
3.3	Persampelan	81
3.4	Instrumen Kajian	82
3.5	Pengumpulan Data	83
3.6	Analisis Data	84
3.7	Kerangka Teori Kajian	87
3.8	Kaedah Penilaian Sampel	88
3.8.1	Analisis Aras Terjemahan	90
3.8.2	Analisis Aras <i>Ta'reeb</i>	91
3.8.3	Analisis Aras Tatabahasa	92
3.9	Rumusan	101
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	102
4.1	Pendahuluan	102
4.2	Mengumpulkan Hasil Terjemahan Kata Nama Khas Menggunakan Mesin Atas Talian ke dalam Bahasa Arab	103
4.3	Terjemahan Kata Nama Khas Menggunakan Mesin	109
4.3.1	Sekolah	109
4.3.1.1	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Darul Ridwan	110

4.3.1.2	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail	116
4.3.1.3	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Sekolah Menengah Agama Al- Maahadul Islami Tasek Junjung	121
4.3.1.4	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Persekutuan (P)	126
4.3.1.5	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Hutton	130
4.3.2	Universiti	134
4.3.2.1	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	134
4.3.2.2	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Universiti Sains Islam Malaysia	138
4.3.2.3	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Universiti Sains Malaysia	144
4.3.2.4	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Universiti Pendidikan Sultan Idris	149
4.3.2.5	Analisis Terjemahan KNK Melayu-Arab Universiti Kebangsaan Malaysia	153
4.3.3	Klinik	158
4.3.3.1	Analisis Terjemahan Melayu-Arab Klinik Ortopedik dan Traumatologi, UKM Selangor	158

4.3.3.2	Analisis Terjemahan Melayu-Arab Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Metro Prima	165
4.3.3.3	Analisis Terjemahan Melayu-Arab Klinik Pakar Kanak-Kanak Shanaliza, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	169
4.3.3.4	Analisis Terjemahan Melayu-Arab Klinik Pakar ENT & Klinik Kulit Dr. Law	174
4.3.3.5	Analisis Terjemahan Melayu-Arab Klinik Perubatan dan Pembedahan Khadijah, Rawang, Selangor	178
4.4	Rumusan	182
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN	184
5.1	Pendahuluan	184
5.2	Rumusan Kajian	185
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	187
5.3.1	Hasil Terjemahan Kata Nama Khas Menggunakan Mesin Terjemahan Atas Talian ke dalam Bahasa Arab	187
5.3.2	Analisis Terjemahan Kata Nama Khas Menggunakan Mesin atas Talian	189
5.3.3	Penjelasan Teori Dinamik dan Kaedah <i>Ta'reeb</i> dalam Menterjemah Kata Nama Khas bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab	194
5.4	Cadangan terjemahan Kata Nama Khas Melayu-Arab	196
5.5	Implikasi Kajian	199
5.6	Cadangan Kajian	202
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	205

5.8 Rumusan	206
-------------	-----

RUJUKAN	208
----------------	-----

**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

1.1	Terjemahan Melayu-Arab bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al- Mahoor (Diakses pada 26/8/2020)	8
1.2	Terjemahan Melayu-Arab bagi Kata Nama Khas Tempat (Diakses pada 26/8/2020)	10
3.1	Panduan Ta'reeb Huruf Rumi ke Huruf Arab	79
3.2	Contoh Ta'reeb	80
3.3	Terjemahan Melayu-Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tinggi Sultan Idris	90
3.4	Formula Penstrukturan KNK Menggunakan Kata Sifat	94
3.5	Formula Penstrukturan KNK Menggunakan binaan Kata Sifat	95
3.6	Formula Penstrukturan KNK menggunakan binaan al-Id}a>fah	97
3.7	Formula KNK Arab bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tinggi Ahmad Albab	98
3.8	Kaedah sisipan Huruf Lam dan Huruf Ba	100
4.1	Terjemahan Kata Nama Khas bahasa Melayu ke dalam Bahasa Arab	104
4.2	Formula Penstrukturan KNK Menggunakan Kata Sifat	107



4.3	Formula Penstrukturan KNK Menggunakan Id{a>fah	107
4.4	Kaedah Sisipan Huruf La>m dan Huruf Ba'	109
4.5	Terjemahan Melayu-Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Darul Ridwan	110
4.6	Penstrukturan Ayat Sekolah Menengah Kebangsaan Darul Ridwan	110
4.7	Terjemahan Melayu-Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail	116
4.8	Penstrukturan Ayat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail	116
4.9	Terjemahan Melayu-Arab Sekolah Menengah Agama Al-Maahadul Islami Tasek Junjung	121
4.10	Penstrukturan Ayat Sekolah Menengah Agama Al- Maahadul Islami Tasek Junjung	122
4.11	Terjemahan Melayu-Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Persekutuan (P)	126
4.12	Penstrukturan Ayat Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Persekutuan (P)	127
4.13	Terjemahan Melayu-Arab Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Hutton	130
4.14	Penstrukturan Ayat Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Hutton	131
4.15	Terjemahan Melayu-Arab Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	134
4.16	Penstrukturan Ayat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	134

4.17	Terjemahan Melayu-Arab Universiti Sains Islam Malaysia	138
4.18	Penstrukturan Ayat Universiti Sains Islam Malaysia	139
4.19	Terjemahan Melayu-Arab Universiti Sains Malaysia	144
4.20	Penstrukturan Ayat Universiti Sains Malaysia	144
4.21	Terjemahan Melayu-Arab Universiti Pendidikan Sultan Idris	149
4.22	Penstrukturan Ayat Universiti Pendidikan Sultan Idris	149
4.23	Terjemahan Melayu-Arab Universiti Kebangsaan Malaysia	153
4.24	Penstrukturan Ayat Universiti Kebangsaan Malaysia	154
4.25	Terjemahan Melayu-Arab Klinik Ortopedik dan Traumatologi, UKM Selangor	158
4.26	Penstrukturan Ayat Klinik Ortopedik dan Traumatologi, UKM, Selangor	159
4.27	Terjemahan Melayu-Arab Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Metro Prima	165
4.28	Penstrukturan Ayat Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Metro Prima	165
4.29	Terjemahan Melayu-Arab Klinik Pakar Kanak-Kanak Shanaliza, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	169
4.30	Penstrukturan Ayat Klinik Pakar Kanak-Kanak Shanaliza, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	170
4.31	Klinik Pakar ENT & Klinik Kulit Dr. Law	174
4.32	Penstrukturan Ayat Klinik Pakar ENT & Klinik Kulit Dr Law	174

4.33	Terjemahan Melayu-Arab Klinik Perubatan dan Pembedahan Khadijah, Rawang, Selangor	178
4.34	Penstrukturan Ayat Klinik Perubatan dan Pembedahan Khadijah, Rwang, Selangor	178
5.1	Hasil terjemahan kata nama khas Melayu-Arab	188
5.2	Terjemahan kata nama khas Melayu-Arab yang dipilih	190
5.3	Formula Penstrukturan KNK Menggunakan Binaan Kata Sifat	196
5.4	Formula Penstrukturan KNK Menggunakan Id{a>fah	197
5.5	Kaedah Sisipan Huruf La>m dan Huruf Ba	197
5.6	Cadangan Terjemahan Kata Nama Khas Melayu-Arab	198



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Ejaan bahasa Arab Negeri Pulau Pinang	11
1.2 Ejaan bahasa Arab Negeri Pulau Pinang dalam Booking.com	11
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	15
3.1 Peringkat terjemahan mengikut Teori Dinamik (Nida, 1964)	75
3.2 Carta Alir Rumusan Metodologi	86
3.3 Kerangka Teori Terjemahan Dinamik	87
4.1 <i>Google Translator</i>	106
4.2 <i>Bing Microsoft Translator</i>	106
4.3 <i>Yandex Translator</i>	106





SENARAI SINGKATAN

KK	Kata kerja
KN	Kata nama
KNK	Kata Nama Khas
KNKT	Kata nama khas tempat
KS	Kata sendi
MT	Mesin terjemahan



SENARAI TRANSLITERASI

PANDUAN TRANSLITERASI EJAAN ARAB KE RUMI (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008)

Huruf Konsonan

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	H{/h{
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	S{/s{
ض	D{/d{
ط	T{/t{
ظ	Z{/z{
ع	‘



غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ي	y
ة	h

Huruf Vokal



Vokal Pendek



اَ	a
اِ	i
اُ	U

Vokal Panjang

أَ	A>/a>
إِ	I</i>
ؤُ	U</u>

Diftong

اي	ay
او	aw
يى	iy
وو	uww





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Bab ini akan menghuraikan latar belakang kajian yang berkait dengan terjemahan, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teoritikal kajian, kepentingan kajian, batasan kajian di samping menjelaskan definisi pengoperasian dan seterusnya rumusan bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam abad ke- 8 M, perkembangan aktiviti terjemahan berlaku dengan pesat dalam dunia Islam. Banyak buku asing dari bahasa Yunani, Rom, Parsi dan Greek diterjemahkan ke dalam bahasa Arab sejak pemerintahan khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang merupakan Khalifah Abbasiyah yang kedua.



Kegemilangan terjemahan dalam dunia Islam mencapai kemuncaknya pada zaman khalifah al-Ma'mun ketika terdirinya *Bayt al-Hikmah*. Pembukaan *Bayt al-Hikmah* oleh khalifah al-Ma'mun ini mempunyai satu jabatan yang terdapat dua orang penterjemah iaitu Hunayn Ibn Ishak dan Thabit bin Qurrah yang bertanggungjawab menterjemah bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab (Hairudin Harun dalam Mohd Asmadi Yakob, 2002). Galakan daripada pemerintah yang memberikan kemudahan kepada golongan penterjemah merupakan faktor utama berkembangannya aktiviti terjemahan pada zaman tersebut. Ganjaran bagi setiap hasil terjemahan, kemudahan perpustakaan, buku-buku yang bakal diterjemah dan lain-lain adalah antara kemudahan yang diberikan oleh pemerintah kepada golongan penterjemah.

Pada abad ke-12, dunia Barat mula bertembung dengan dunia Islam (menurut Peter Newmark dalam Mohd Asmadi Yakob, 2002) di Sepanyol semasa Ketuanan Bangsa Moor. Apabila kejatuhan Ketuanan Bangsa Moor, sekolah penterjemahan yang terletak di Toledo telah menterjemah teks klasik Greek dalam bidang Sains dan Falsafah yang terdapat dalam bahasa Arab. terjemahan turut dilakukan terhadap buku-buku penulisan Ibnu Sina, al-Khawarizmi, al-Farabi, Ibnu Khaldun dan lain-lain. Usaha-usaha yang ditunjukkan dalam aktiviti penterjemahan ini menjadi bukti kukuh (Mohd Asmadi Yakob, 2002) kepada kebangkitan Eropah dari Zaman Gelap (*Dark Ages*).

Kemasukan Islam di Tanah Melayu memainkan peranan yang besar dalam dunia terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu dan sebaliknya. Mohd Asmadi Yakob (2002) menyatakan bahwa tarikh permulaan bagi kegiatan terjemahan di Malaysia tidak diketahui dengan tepat. Sejarah penterjemahan bahasa Melayu menurut Kassim Ahmad (1991), banyak cerita dari negara India dan Semenanjung Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Antara contoh karya yang telah diterjemah ialah Hikayat Seri



Rama, Hikayat Sang Boma dan Hikayat Si Miskin dari India. Manakala karya dari Arab yang telah diterjemah ialah Hikayat Iskandar Zulkarnain, Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Bayan Budiman.

Sejarah kegiatan penterjemahan yang berlaku di Malaysia secara umumnya telah dilakukan sejak zaman kegemilangan Melaka lagi (Mohd Asmadi Yakob, 2002). Usaha penterjemahan dikenali sebagai saduran pada zaman dahulu. Keperluan dalam kegiatan penterjemahan pada peringkat awal bermula dengan kedatangan kuasa asing ke alam Melayu apabila keperluan untuk berkomunikasi telah mendorong seorang pegawai Inggeris yang bertugas di Tanah Melayu ketika itu menerbitkan sebuah buku terbitan yang berbentuk terjemahan untuk dijadikan panduan bagi mereka menguasai bahasa Melayu demi kepentingan pentadbiran (Afiq, 2012). Keperluan dalam penterjemahan berlaku apabila hadirnya perasaan ingin mengetahui mesej atau kandungan sesuatu teks yang ditulis dalam bahasa lain.

Kegiatan penterjemahan yang berlaku tidak hanya tertumpu kepada tujuan untuk berkomunikasi malah menyokong usaha menyebarkan ilmu pengetahuan dan maklumat kepada masyarakat. Penterjemahan boleh diklasifikasikan sebagai salah satu cara untuk manusia berkomunikasi berikutan menurut Catford (1996) dalam Puteri Roslina Abdul Wahid, Nur Azimah Bukhari dan Cho (2019) bahawa penterjemahan merupakan operasi yang dilakukan terhadap bahasa yang melibatkan proses menggantikan teks dalam sesuatu bahasa satu teks dalam bahasa lain. Proses komunikasi ini mendorong kepada pemindahan ilmu dan maklumat yang berkesan diiringi dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan pembangunan ekonomi yang pesat untuk memastikan setiap genap lapisan masyarakat dapat mengikuti perkembangan yang berlaku dan seterusnya dapat mengambil peluang sehingga mampu



turut serta dalam usaha pembangunan negara adalah faktor utama sesebuah negara yang maju dan optimis dapat dilahirkan.

Menurut Ariffin Samsuri (1997) bahawa terdapat dua teori mengenai pemindahan ilmu khususnya dari luar negara iaitu teori kaedah langsung dan kaedah tidak langsung. Teori pemindahan ilmu secara langsung diaplikasikan supaya individu dapat mempelajari dan menguasai bahasa sumber ilmu di samping memahami ilmu yang berkaitan dalam bahasa sumbernya. Berbeza dengan teori pemindahan ilmu tidak langsung yang mengusulkan supaya karya ilmu dari bahasa lain diterjemahkan kepada bahasa yang berkenaan dan kemudiannya diterbitkan semula dalam bahasa bangsa yang berkenaan.

Oleh yang demikian, situasi ini menunjukkan bahawa terjemahan juga adalah salah satu komponen atau kaedah penting dan berkesan dalam proses pemindahan ilmu dan maklumat kepada masyarakat. Hal ini berikutan apabila terjemahan sesuatu ilmu atau maklumat itu berlaku membolehkan masyarakat untuk membaca dan memahami ilmu dan maklumat tersebut malahan membantu dalam mendorong kepada penyebaran ilmu dan maklumat dengan mudah dan pantas dalam kalangan masyarakat bahasa sasaran. Hal ini disokong oleh (House, 2013) yang menyatakan bahawa penterjemahan ini dilihat sebagai suatu bentuk perkhidmatan bagi memenuhi keperluan manusia untuk menjangkau dunia yang selama ini dibatasi oleh bahasa ibunda mereka.

Terjemahan ialah proses menggantikan teks asal yang ditulis dalam satu bahasa kepada teks gantian yang ditulis dalam bahasa lain (House, 2013). Teks asal yang dimaksudkan ialah teks sumber manakala teks gantian ialah teks sasaran. House (2013) menyatakan apabila berlakunya proses penggantian daripada teks asal kepada teks



sasaran, proses tersebut merupakan terjemahan antara bahasa (*interlingual translation*) yang merujuk kepada aktiviti menterjemah mesej yang terkandung dalam teks sumber kepada bahasa yang berbeza. Manakala bagi terjemahan intralingual (*intralingual translation*) memfokuskan teks yang ditulis dalam bahasa tertentu yang kemudiannya ditulis semula dengan menggunakan variasi bahasa lain. Sebagai contoh, mesej yang terkandung dalam teks yang ditulis dalam Inggeris lama ditulis semula dalam bahasa Inggeris moden. Penggantian yang tidak melibatkan bahasa lain tetapi suatu ungkapan bukan linguistik (sistem semiotik yang berbeza) dinamakan sebagai terjemahan semiotik. Terjemahan ini dapat dilihat melalui puisi yang diterjemahkan ke dalam bentuk tarian atau gambar. Kepelbagaian jenis terjemahan ini menunjukkan bahawa sesuatu maklumat atau mesej yang hendak disampaikan itu bukan sahaja berfokus kepada terjemahan dari satu bahasa kepada bahasa yang lain malah boleh disalurkan dalam pelbagai bentuk terjemahan sebagaimana yang dinyatakan oleh (House, 2013) bahawa terjemahan ialah satu bentuk komunikasi sekunder yang menjadi penghubung untuk memenuhi keperluan manusia untuk menjangkau dunia yang selama ini dibatasi oleh bahasa ibunda mereka.

Terjemahan melibatkan dua fasa. Fasa yang pertama ialah fasa untuk memahami atau mentafsirkan teks asal. Manakala fasa yang kedua ialah fasa yang mana tafsiran tersebut akan diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. (House, 2013) menyatakan bahawa teks kedua sebenarnya bukanlah penghasilan semula teks pertama, sebaliknya teks tersebut ialah terjemahan kepada tafsiran bagi teks asal. Justeru, proses terjemahan berlaku seperti yang berikut: teks 1 (teks asal) – tafsiran wacana – teks 2 (terjemahan) (House, 2013).





Terjemahan boleh diperoleh dalam dua bentuk iaitu secara bertulis dan lisan. Bentuk tulisan bagi terjemahan bertulis dikenal sebagai terjemahan. Manakala bentuk lisan dikenal sebagai interpretasi yang merujuk kepada usaha untuk memahami dan menghuraikan makna sesebuah teks. Teks bagi terjemahan bertulis adalah teks yang tetap (tidak berubah), sedia ada secara kekal dan kebarangkalian untuk berubah dan diulang-ulang adalah tidak terhad. Berbeza dengan interpretasi yang boleh berlaku secara serentak dan berturutan. Interpretasi serentak dilakukan semasa penutur masih bertutur manakala interpretasi berturutan dilakukan setelah penutur tamat bertutur (House, 2013). Terjemahan bertulis dan interpretasi mempunyai perbezaan kerana kedua-duanya melibatkan aktiviti yang berbeza. Teks bagi terjemahan bertulis akan ditukarkan ke dalam bahasa lain yang membolehkan penterjemah untuk membetulkan teks tersebut seberapa kerap yang perlu sesuai dengan permintaan dan citarasa masyarakat sasaran. Berbeza dengan interpretasi, sesebuah teks yang akan ditukarkan menjadi teks yang baru dalam bahasa lain secara lisan hanya sekali sahaja dan menunjukkan bahawa pembetulan dan pengawalan yang dapat dilakukan oleh jurubahasa terhadap teks tersebut adalah terhad.

Dewasa ini, kaedah atau sistem yang digunakan dalam aktiviti terjemahan semakin meluas. Penterjemahan yang dilakukan pada masa kini tidak hanya bergantung kepada penterjemahan manusia tetapi juga mesin. Hal ini dapat kita lihat apabila kepesatan dunia teknologi membantu manusia untuk menghasilkan proses mengalihkan sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain dengan mudah dan pantas melalui penghasilan kamus atas talian, kamus elektronik dan kamus bercetak menunjukkan kepesatan dalam aktiviti terjemahan. Penggunaan perisian terjemahan berbantuan mesin ini sudah tidak asing lagi dalam kalangan penterjemah dan digunapakai secara meluas seperti mesin



terjemahan Google. Perisian terjemahan berbantuan mesin ini boleh diakses secara percuma dan menjimatkan masa. Aplikasi terjemahan dan kamus atas talian yang diperkenalkan pada masa kini boleh dimuat turun menggunakan telefon pintar sekaligus memudahkan aktiviti menterjemah. Namun, aktiviti penterjemahan berbantuan mesin masih lagi mempunyai kelemahan dan keterbatasan dalam menterjemah terutamanya dalam menterjemah perkataan, ayat atau ungkapan dan juga frasa.

Oleh sebab itu, fenomena terjemahan bahasa Melayu kepada bahasa Arab memerlukan kajian yang lebih mendalam sebagai usaha untuk mencari sistem atau kaedah terjemahan yang sesuai bagi menterjemah perkataan, frasa dan ayat dengan lebih tepat dan sesuai untuk digunakan secara lisan mahupun tulisan.

1.3 Pernyataan Masalah

Perbincangan masalah kajian berkisar kepada terjemahan kata nama khas Melayu-Arab berdasarkan kaedah Teori Dinamik yang diperkenalkan oleh Nida (1964) dan kaedah *Ta'reeb*. Kajian ini memfokuskan kepada terjemahan kata nama khas Melayu-Arab menggunakan mesin terjemahan. Terjemahan merupakan aktiviti mengalihkan bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Berbeza dengan zaman dahulu yang ketiadaan alat atau kamus yang dapat membantu manusia untuk memahami sesuatu bahasa, perkembangan dan penggunaan teknologi yang semakin meluas pada masa kini membantu penterjemah untuk menyaring dan berkongsi hasil terjemahan mereka dengan mudah dan pantas. Berbeza dengan terjemahan kata nama khas, hasil terjemahan yang diperoleh daripada mesin terjemahan adalah berbeza dengan teks sumber. Kesalahan

yang dapat dilihat adalah kesalahan ejaan, penggunaan dan susunan huruf atau perkataan yang tidak sesuai.

Permasalahan kajian yang pertama adalah permasalahan untuk mengumpulkan hasil terjemahan Melayu-Arab bagi kata nama khas menggunakan mesin atas talian. Kajian ini melihat bahawa mesin terjemahan merupakan faktor kepada kepesatan dalam aktiviti penterjemahan. Tetapi, tidak semua mesin terjemahan menyediakan terjemahan dalam bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian ini perlu menghadkan bilangan mesin terjemahan yang digunakan untuk menterjemah kata nama khas dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Terjemahan kata nama khas Melayu-Arab menggunakan mesin terjemahan menunjukkan permasalahan apabila hasil terjemahan mengandungi kesalahan dari sudut terjemahan, tatabahasa dan *Ta'reeb*. Penyelidik memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al-Mashoor sebagai contoh untuk diterjemahkan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab menggunakan tiga jenis mesin terjemahan iaitu MT Google, MT Bing dan MT Yandex. Contoh hasil terjemahan dapat dilihat berdasarkan jadual 1.1. Merujuk kepada jadual 1.1, berlaku permasalahan dari sudut terjemahan apabila ketiga-tiga mesin terjemahan menghasilkan terjemahan yang tidak mengikut kepada bentuk dan gaya bahasa Arab yang sesuai. Hal ini juga menimbulkan permasalahan apabila mesin terjemahan tidak mampu untuk mengenalpasti sesuatu perkataan tersebut sama ada kata nama atau kata sifat.

Jadual 1.1

Terjemahan Melayu-Arab bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al-Mashoor (Diakses pada 26/8/2020)

Google Translate	Bing Translator	Yandex Translator
ثلاثي عالمش مور القوي لالحيية	سريكوال مينج ايليبغس ان المشور	تسي اتال ميسل ال ثلثي لال وطي لالحيية



Berdasarkan hasil terjemahan di atas, hasil terjemahan yang dihasilkan adalah berbeza dan mengandungi beberapa kesalahan. Mesin terjemahan Google tidak dapat menterjemah perkataan *perempuan* (P) ke dalam bahasa Arab berikutan ketiadaan perkataan tersebut dalam teks terjemahan. Seterusnya, perkataan *kebangsaan* yang diterjemahkan sebagai لقويّة adalah tidak sesuai. Meskipun perkataan لقويّة membawa maksud *bangsa* namun dalam konteks ayat tersebut, kajian ini melihat bahawa penggunaan perkataan لقويّة yang digunakan untuk menterjemah perkataan *kebangsaan* ke dalam bahasa Arab adalah tidak sesuai. Hasil terjemahan *Google* juga menunjukkan kesalahan dari segi penyusunan perkataan yang tidak sesuai dan membawa kepada kesalahan sintaksis. Sintaksis, menurut Hassan, Rohani, Osman, dan Ayob (2006), adalah salah satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat malah turut mengkaji proses binaan ayat dan aspek-aspek tatabahasa yang menentukan kaedah bagaimana perkataan disusun dalam ayat. Manakala mesin terjemahan Bing menggunakan kaedah *Ta'reeb* (disebut juga sebagai mengarabkan) bagi menterjemah kata nama tersebut namun dilihat tidak sesuai dan tidak mengikut gaya bahasa Arab. Berbeza dengan mesin terjemahan Yandex apabila perkataan *perempuan* diterjemahkan kepada نساء dan perkataan sekolah diterjemahkan dalam bentuk *jama'* iaitu المدارس. Hasil terjemahan ini dilihat sebagai tidak sesuai dan perlu diganti dengan terjemahan yang lebih baik dan sesuai dengan gaya bahasa Arab. Hasil terjemahan *Yandex* juga menunjukkan kesalahan dari segi penyusunan perkataan.

Permasalahan seterusnya adalah dari sudut menganalisis terjemahan kata nama khas menggunakan mesin atas talian yang menjurus kepada persoalan adakah hasil terjemahan kata nama khas Melayu-Arab mengandungi kesalahan? Berdasarkan kepada jadual 1.2 di bawah, jadual menunjukkan hasil terjemahan bagi kata nama khas



Langkawi, Pulau Redang dan Terengganu. Kajian ini melihat bahawa mesin terjemahan berhadapan dengan masalah dalam menterjemah kata nama khas tempat. Hasil terjemahan pada kata nama khas tempat menggunakan mesin terjemahan dapat dilihat berdasarkan jadual yang berikut:

Jadual 1.2

Terjemahan Melayu-Arab bagi Kata Nama Khas Tempat (Diakses pada 26/8/2020)

	Langkawi	Pulau Redang	Terengganu
Google Translator	لنكاي	جيرة ريلاج	تيرينجلو
Bing Translator	النكاي	جيرة ريلاج	تيرينجلو
Yandex Translator	Langkawi	جيرة ريلاج	Terengganu

Berdasarkan hasil terjemahan Melayu-Arab untuk kata nama khas di atas, permasalahan dalam menterjemah kata nama khas tempat dapat dilihat berdasarkan hasil terjemahan *Yandex* yang mana perkataan Langkawi dan Terengganu tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. meskipun mesin terjemahan *Google* dan *Bing* dapat menghasilkan hasil terjemahan namun perbezaan dari segi penggunaan dan ejaan dapat dilihat. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan analisis terjemahan kata nama khas Melayu-Arab mengikut kepada aras terjemahan, *Ta'reeb* dan tatabahasa.

Kajian ini juga timbul disebabkan berlakunya perbezaan penggunaan kata nama khas tempat dalam kalangan orang Arab dan masyarakat Malaysia itu sendiri. Sebagai contoh, perkataan Terengganu yang diterjemahkan kepada dua bentuk terjemahan yang berbeza iaitu *تيرينجلو* (*Tirīngānū*) dan *ترينجانو* (*Trīngānū*). Hal ini menimbulkan keraguan menyebabkan timbulnya permasalahan dalam menterjemah kata nama khas bahawa adakah satu keperluan untuk menambah huruf atau tidak ketika menterjemah kata nama khas tempat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab.



Rajah 1.1. Ejaan bahasa Arab Negeri Pulau Pinang



Rajah 1.2. Ejaan bahasa Arab Negeri Pulau Pinang dalam Booking.com

Berdasarkan dua rajah di atas, terdapat perbezaan proses mengarabkan kata nama khas negeri Pulau Pinang ke dalam bahasa Arab. Gambar rajah 1.3 (a) menunjukkan bagaimana huruf 'ng' diarabkan dengan menggunakan huruf 'نڠ' berbeza dengan rajah 1.3 (b) yang menggunakan 'نڠ' (ng). Perbezaan tersebut cenderung kepada kekeliruan kepada pengguna bahasa Arab terutamanya dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah atau pengajian tinggi dalam kemahiran menulis mereka. Permasalahan ini dapat dilihat apabila proses untuk mengarabkan sesuatu perkataan atau kata nama khas itu tidak sesuai dan tidak tepat. Hal ini berikutan proses mengarabkan perlu melalui beberapa tahap sebelum sesuatu kosa kata asing itu menjadi kosa kata baru dalam bahasa Arab (Afif Amrulloh & Ro'fat Hizmatul Himmah, 2017). Proses ini akan memberi kesan yang melibatkan pelbagai perubahan seperti fonologi iaitu aspek bunyi dan juga morfologi atau bentuk kata.

Tambahan, huruf-huruf yang digunakan untuk sesuatu perkataan dalam bahasa Arab adalah berbeza dengan bentuk ejaan dalam tulisan Jawi. Sebagai contoh, kata nama khas Pulau Pinang. Kata nama khas Pulau Pinang akan ditulis sebagai **ڤوالڤينانڠ** untuk ejaan Jawi. Namun apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Arab menghasilkan perkataan **بوالوڤينانڠ** (*Būlāw Bīnāṅṅ*). Perbezaan bagi kedua-dua perkataan tersebut ialah bagaimana kata nama khas Pulau Pinang ditulis dan dieja mengikut kepada konteks bahasa dan tulisan yang disasarkan. Sebagai contoh, perkataan **ڤوالڤينانڠ** adalah perkataan yang dieja dan ditulis menggunakan tulisan Jawi. Berbeza untuk bahasa Arab, kita perlu mengarabkan perkataan tersebut, menghasilkan perkataan **بوالوڤينانڠ** (*Būlāw Bīnāṅṅ*). Berdasarkan kepada pernyataan di atas, kajian ini melihat bahawa konsonan **ڤ** digunakan untuk menggantikan konsonan 'P' tetapi berbeza untuk bahasa Arab. Berikutan ketiadaan konsonan **ڤ** dalam bahasa Arab, huruf yang digunakan untuk menggantikan huruf 'P' ialah huruf **ب**. Hal ini juga kita lihat untuk bunyi 'ng' yang terkandung dalam perkataan 'Pinang'. Bunyi 'ng' dalam perkataan 'Pinang' dijawabkan menjadi huruf **ڠ** manakala dalam bahasa Arab, diarabkan sebagai **نڠ** (*nṅ*). Proses mengarabkan kata nama khas Pulau Pinang ini adalah berdasarkan kepada kaedah **قريب للصوت** iaitu mengikut kepada bunyi yang terdekat dan sesuai dengan gaya bahasa orang Arab.

Seterusnya, kajian ini juga melihat bahawa kaedah khusus yang boleh diaplikasikan untuk menterjemah kata nama khas Melayu-Arab masih belum dihasilkan. Hal ini menjurus kepada penggunaan mesin terjemahan atas talian yang masih belum mampu untuk menghasilkan terjemahan kata nama khas yang mengikut kepada gaya bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian ini mengambil peluang untuk menghasilkan kaedah atau formula yang boleh membantu dalam menterjemah dan



menstruktur terjemahan kata nama khas Melayu ke dalam bahasa Arab yang mengikut dan sesuai dengan gaya bahasa Arab. Oleh itu, masalah sebenar yang hendak dikaji ialah permasalahan dalam menterjemah dan menstruktur semula terjemahan kata nama khas Melayu-Arab menggunakan mesin terjemahan. Mesin terjemahan dari sumber terbuka seperti *Google Translate*, *Bing* dan *Yandex Translator* menyediakan terjemahan bagi bahasa Melayu dan bahasa Arab. Namun, terjemahan bagi kata nama khas daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab menggunakan mesin terjemahan tersebut tidak menghasilkan terjemahan yang tepat sebaliknya lebih mengelirukan. Menurut Mohamad Nor Amin (2011), antara kelemahan-kelemahan terjemahan berbantuan mesin yang dikenalpasti ialah mesin terjemahan tersebut menterjemah perkataan yang mempunyai berbagai-bagai makna, ungkapan istilah, peribahasa, penggunaan metafora, hiperbola, terjemahan harfiah, terjemahan makna, makna implisit, makna figuratif (kiasan), makna konotasi (tersirat) dan terjemahan komunikatif. Manakala menurut Novia Arifatun (2012), kajian lepas menyatakan bahawa mesin terjemahan Google menggunakan sistem terjemahannya sendiri. Mesin terjemahan Google, seperti alat terjemahan automatik yang lain mempunyai beberapa keterbatasan. Walaupun mesin terjemahan ini dapat membantu pembaca untuk memahami isi umum dari teks bahasa asing, namun tidak dapat memberikan hasil terjemahan yang tepat (Novia Arifatun, 2012).

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kajian terhadap terjemahan kata nama khas Melayu-Arab berdasarkan sistem *Ta'reeb* masih belum wujud. Apa yang dapat dilihat, terdapat beberapa kajian seperti kajian Sahrulazmi Sidek (2015) yang membincangkan tentang kata nama khas tempat Bahasa Arab sejarah Islam dan padanan Bahasa Melayu serta strategi terjemahannya. Berbeza dengan kajian ini yang memfokuskan kepada





terjemahan kata nama khas bahasa Melayu dan padanannya dalam bahasa Arab serta menjadikan kaedah *Ta'reeb* sebagai strategi terjemahan yang tepat untuk menterjemah nama khas nama tempat. Manakala kajian oleh Syamsul Hadi (2002), Berbagai Ketentuan Baru dalam *Ta'reeb*: Pembahasan Seputar Perkembangan Mutakhir dalam Bahasa Arab Seri V membahaskan tentang penggunaan *Ta'reeb* dalam terjemahan prefiks dan sufiks, nama-nama penyakit, nama peralatan dan akronim. Sebaliknya, kajian yang dilakukan oleh penyelidik berfokus kepada sistem *Ta'reeb* dalam menterjemah nama khas.


Justeru, kajian ini cuba mengkaji terjemahan kata nama khas Melayu-Arab berdasarkan teori terjemahan dinamik dan kaedah terjemahan *Ta'reeb* yang menggunakan pendekatan kualitatif. Manakala sampel dapat dilihat melalui senarai kata nama khas iaitu sebanyak 15 kata yang akan diterjemahkan menggunakan mesin terjemahan dari sumber terbuka dan data tersebut akan dianalisis secara deskriptif.

Tidak dinafikan sekiranya kajian terjemahan kata nama khas Melayu-Arab tidak dijalankan, para penterjemah dan pengguna bahasa Arab yang lain akan berhadapan dengan masalah untuk menghasilkan terjemahan kata nama khas Arab yang sesuai dan mengikut kepada gaya bahasa Arab. Malah, terjemahan yang menggunakan mesin terjemahan atas talian juga perlu sentiasa disemak dan dikemaskini supaya hasil terjemahan sesuai dan mengikut kepada gaya bahasa sasaran. Sekiranya tidak dijalankan kajian tentang terjemahan kata nama khas Melayu-Arab, situasi ini boleh mendorong kepada penyampaian maklumat yang salah dan boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan pengguna bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian ini melihat bahawa terjemahan kata nama khas Melayu-Arab perlu dijalankan supaya dapat menghasilkan kaedah yang boleh membantu dalam menterjemah dan menstruktur KNK



Melayu-Arab dan memberi manfaat kepada golongan penterjemah dan pengguna bahasa Arab baik di peringkat sekolah atau di peringkat pengajian tinggi.

1.4 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian



1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- 1) Mengumpulkan hasil terjemahan kata nama khas menggunakan mesin terjemahan atas talian ke dalam bahasa Arab
- 2) Menganalisis terjemahan kata nama khas menggunakan mesin terjemahan atas talian
- 3) Mencadangkan kaedah terjemahan kata nama khas berdasarkan Teori Dinamik dan teknik terjemahan *Ta'reeb*

1.6 Soalan Kajian



Kajian ini mengandungi persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Apakah hasil terjemahan kata nama khas menggunakan mesin terjemahan atas talian ke dalam bahasa Arab?
- 2) Adakah bentuk terjemahan Melayu-Arab kata nama khas menggunakan mesin terjemahan atas talian mengandungi kesalahan?
- 3) Bagaimanakah Teori Dinamik dan kaedah terjemahan *Ta'reeb* boleh membantu dalam menterjemah kata nama khas?

1.7 Definisi Pengoperasian

Penyelidik menjelaskan beberapa definisi pengoperasian yang digunakan dalam kajian ini seperti berikut:





i) Terjemahan

Muhammad Fauzi (2006) mendefinisikan penterjemahan atau *translation/translating* sebagai perbuatan memindahkan teks bertulis atau komunikasi lisan ke dalam bahasa lain. Dalam erti kata lain, penterjemahan melibatkan penggantian bahan tekstual sesuatu bahasa iaitu bahasa sumber dengan padanan tekstual yang sesuai dalam bahasa yang lain (bahasa sasaran). Padanan sama yang lazim digunakan adalah makna, stilistik dan reaksi sebenar teks atau bahan asal (Muhammad Fauzi, 2006).

Terjemahan menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2008) ialah salah satu aktiviti yang dibuat oleh manusia berkomunikasi antara satu bahasa dengan bahasa lain dan antara satu budaya dengan budaya yang lain. Berkomunikasi ialah proses bagaimana seseorang itu berkongsi pengalaman dengan orang lain (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2008). Apabila manusia berkomunikasi antara satu dengan yang lain secara tidak langsung mereka berkongsi pengalaman dan pengetahuan masing-masing sekali gus dengan cara itu mereka memperoleh maksud sesuatu istilah atau kata melalui pertukaran tersebut.

Manakala Wan Hashim Wan Teh (2009) menyatakan bahawa penterjemahan bukan sekadar pemindahan perkataan dari satu bahasa kepada bahasa yang lain. Penterjemahan adalah proses penyebaran ilmu yang menghapuskan sempadan bahasa, budaya mahupun masa.

Terjemahan menurut Akmaliah (2012) ialah proses penyerapan atau peminjaman kosa kata asing dalam segi konsep atau tandanya (*signified*) atau semua kegiatan manusia yang berkaitan dengan memindahkan informasi atau pesan yang disampaikan secara lisan atau tulisan (*verbal* dan *non-verbal*).



House (2013) mentakrifkan terjemahan sebagai proses penggantian teks yang ditulis dalam satu bahasa dengan teks yang ditulis dalam bahasa yang lain. Terjemahan asalnya dilihat sebagai suatu pembatasan namun House (2013) berpendapat bahawa aktiviti ini berfungsi sebaliknya iaitu mengatasi pembatasan yang dikenakan oleh sesuatu bahasa untuk penuturnya.

Meliza Budiarti (2019) mendefinisikan terjemahan sebagai sebuah proses mengungkapkan makna yang dikomunikasikan dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran sesuai dengan makna yang terkandung dalam bahasa sumber tersebut. Meliza Budiarti (2019) turut menyatakan bahawa proses terjemahan tersebut tidak hanya tertumpu kepada kebolehan seseorang dalam memahami teks bahasa sumber malah mempunyai kemampuan untuk menulis semula fahaman yang diperoleh hasil daripada bacaan mereka ke dalam bahasa sasaran.

Secara umumnya, terjemahan boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk gerak kerja manusia dalam mengalihkan sesuatu bahasa (bahasa sumber) kepada bahasa sasaran sesuai dengan padanan makna teks asal. Malahan terjemahan ini tidak terhad kepada aktiviti pengalihan bahasa bahkan untuk tujuan perkongsian maklumat yang boleh membawa kepada berlakunya penyebaran ilmu secara meluas.

ii) Kata Nama Khas

Kata nama khas menurut Nik Safiah et al., (2009) ialah makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan (institusi), undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat dan seumpamanya. Dalam tulisan, ejaan untuk kata nama khas adalah berpangkalan huruf besar. Kata nama khas terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu kata nama khas hidup dan kata nama khas tak hidup. Seterusnya, kata nama khas hidup juga

boleh terbahagi kepada dua iaitu kata nama khas hidup manusia dan kata nama khas hidup bukan manusia.

Manakala Sahrulazmi Sidek (2015) menyatakan bahawa kata nama khas terbahagi kepada banyak jenis yang antaranya nama tempat, nama orang, nama gelaran dan lain-lain. Adapun kata nama tempat juga sama ada tergolong dari kata nama khas atau bukan kata nama khas. Sebagai contoh, perkataan padang bola, padang permainan, sawah, surau dan kedai dikategorikan sebagai nama tempat tetapi perkataan-perkataan tersebut bukan kata nama khas.

Kesimpulannya, kata nama khas boleh didefinisikan sebagai kata nama yang berfokus kepada sesuatu perkara seperti nama manusia, nama tempat dan sebagainya yang biasanya dieja dengan huruf besar. Kata nama khas dikategorikan kepada dua kategori iaitu kata nama khas hidup dan kata nama khas tidak hidup. Kata nama khas hidup pula boleh dibahagikan lagi kepada dua kategori iaitu kata nama khas hidup manusia dan kata nama khas hidup bukan manusia.

iii) *Ta'reeb*

Ta'reeb adalah antara kaedah lain yang dilakukan dalam memindahkan kata (dari bahasa lain kepada bahasa Arab) manakala tidak ada dalam kosa kata bahasa Arab baik dengan cara menterjemahkan dari kosa kata bahasa asing, membentuk kata atau kata kerja, membuat kata-kata atau menyingkat kata (Isa, t.t).

Menurut Bakkala (1990) *Ta'reeb* merupakan pemungutan bahasa asing dengan perubahan seperlunya untuk disesuaikan dengan pola morfologi dan fonologi bahasa Arab.

Zaiton Mustafa (2000) menyatakan pengaraban (*al- Ta'reeb*) sebagai perpindahan atau penyerapan kata-kata asing ke dalam bahasa Arab.

Manakala menurut Syawqi Daif (2008), pembentukan kata melalui proses pemindahan bahasa asing kepada bahasa Arab disebut sebagai *Ta'reeb*.

Secara keseluruhannya, *Ta'reeb* atau mengarabkan boleh ditakrifkan sebagai proses pemindahan atau penyerapan sesuatu kata asing sesuai dengan pola morfologi dan fonologi bahasa Arab.

iv) Terjemahan mesin

Terjemahan mesin (*machine translation*) ialah penterjemahan yang dijana oleh komputer sama ada dengan bantuan manusia ataupun tidak (Nur Faezah Mohd Ayob, 2015). Penggunaan program terjemahan mesin ini sangat meluas di jaringan sesawang kerana ianya percuma dan mudah diakses di mana-mana. Kepantasan perisian ini yang mampu menterjemahkan perkataan, frasa dan ayat tanpa perlu merujuk kepada kamus am, kamus peristilahan, tesaurus dan sebagainya. Antaranya termasuklah khidmat terjemahan mesin *Google Translate* yang menawarkan terjemahan teks lebih daripada 50 buah bahasa (Nur Faezah Mohd Ayob, 2015). Kenyataan tersebut disokong oleh Zaharin Yusoff (2007) yang menyatakan bahawa mesin terjemahan boleh mempercepatkan kerja penterjemahan dan menyahkan terjemahan-terjemahan yang berulang atau sekurang-kurang dapat menjadikan terjemahan itu lebih konsisten.

O'Brien (2012) menyatakan sehingga kini mesin terjemahan (MT) telah berjaya menghasilkan terjemahan yang baik dalam beberapa tugas yang tertentu tetapi masih belum boleh menggantikan manusia untuk menterjemah teks sastera berikutan ada



makna yang tidak dapat ditafsir dan difahami oleh komputer. Mesin hanya mampu menterjemah maksud perbendaharaan kata dan merekodkan perubahan tatabahasa, tetapi manusia mampu menterjemahkan makna dan memahami struktur dokumen itu. Secara umumnya penterjemahan mesin masih belum mampu untuk menandingi kecekapan dan akal secanggih manusia (Vitek, 2011).

Berdasarkan kepada pernyataan di atas mengenai terjemahan mesin, penyelidik menyimpulkan bahawa terjemahan mesin ialah proses mengalihkan sesuatu bahasa atau terjemahan secara automatik yang dilakukan oleh perisian tertentu secara atas talian melalui alat seperti komputer dan telefon pintar.

1.8 Batasan Kajian



Penyelidikan ini dijalankan untuk mencari ketepatan dalam terjemahan kata nama khas menggunakan terjemahan bermesin. Penyelidik memfokuskan kajian ini kepada terjemahan kata nama khas dan tidak menyentuh bentuk-bentuk kata nama yang lain seperti kata tunggal, kata ganda atau kata kerja. Kajian ini mengumpul sebanyak 15 data sahaja secara rawak untuk dianalisis. Kajian ini hanya memfokuskan kepada penggunaan mesin terjemahan dari sumber terbuka yang dihadkan kepada mesin terjemahan Google, Yandex dan Bing. Kajian ini membataskan kepada terjemahan kata nama khas daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab dan bukan sebaliknya.



1.9 Kepentingan Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini penting kepada bidang terjemahan dan bidang bahasa Arab. Ianya melibatkan terjemahan kata nama khas Melayu- Arab berdasarkan kepada Teori Dinamik dan kaedah *Ta'reeb*. Hakikatnya, terjemahan kata nama khas ke dalam bahasa Arab masih mengandungi beberapa bentuk kesalahan bahasa terutamanya apabila menterjemah kata nama khas menggunakan mesin terjemahan dalam talian daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab. Kesalahan bahasa yang melibatkan perbezaan makna dan perkataan dari teks sumber boleh mendorong kepada keraguan dan kemusykilan pengguna bahasa Arab khususnya.

Senarai kata nama khas yang sahih dan seragam terjemahannya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat terutamanya golongan penterjemah dan pengguna bahasa Arab dan seterusnya dapat mengelakkan segala keraguan dan kekeliruan yang timbul sebelum ini. Umum mengetahui bahawa mesin terjemahan masa kini menjadi salah satu pemudah cara kepada golongan penterjemah semasa aktiviti menterjemah. Selari dengan peredaran zaman kini yang semakin dipengaruhi dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi maklumat, kewujudan pelbagai jenis mesin terjemahan atas talian semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, tidak hanya terbatas kepada golongan penterjemah dan pelajar di peringkat sekolah dan pengajian tinggi malah kepada golongan pelancong juga. Kajian ini melihat bahawa mesin terjemahan atas talian sangat membantu untuk memindahkan satu bahasa kepada bahasa yang lain walaupun masih memerlukan campur tangan manusia bagi menghasilkan teks terjemahan yang lebih berkualiti dan sesuai dengan budaya bahasa sasaran.

Penyelidikan ini menjadikan Teori Dinamik dan kaedah penterjemahan *Ta'reeb* sebagai kaedah terjemahan yang sesuai dan tepat untuk menterjemah kata nama khas. Kata nama khas mempunyai unsur-unsur atau pengaruh budaya, warna dan bentuk menyebabkan kesukaran untuk menterjemah menggunakan mesin terjemahan. Hal ini berikutan akan berlakunya kesalahan bahasa dari segi linguistik dan berbeza dengan makna teks asal. Oleh sebab itu Teori Terjemahan Dinamik dan kaedah *Ta'reeb* dilihat sebagai kaedah yang tepat untuk menterjemah kata nama khas.

1.10 Rumusan

Bab ini secara rumusnya menghuraikan secara umum berkaitan pengenalan kepada kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Pengenalan kepada kajian ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teoritikal kajian, kepentingan kajian, batasan kajian di samping menjelaskan definisi pengoperasian tentang penterjemahan kata nama khas Melayu-Arab menggunakan Teori Dinamik yang diperkenalkan oleh Nida (1964) dan kaedah *Ta'reeb*.